



## **SIARAN MEDIA**

*MEDIA RELEASE*

### **INDEKS JUALAN RUNCIT DAN INDEKS PERKHIDMATAN MAKANAN & MINUMAN SUKU TAHUN KETIGA 2025**

*RETAIL SALES INDEX  
AND  
FOOD & BEVERAGES SERVICES INDEX  
THIRD QUARTER 2025*



## **SIARAN MEDIA**

### **JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

#### **INDEKS JUALAN RUNCIT DAN INDEKS PERKHIDMATAN MAKANAN & MINUMAN SUKU TAHUN KETIGA 2025**

#### **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

##### **TAJUK UTAMA:**

##### **JUALAN RUNCIT DAN JUALAN PERKHIDMATAN MAKANAN DAN MINUMAN MENURUN PADA SUKU TAHUN KETIGA 2025**

1. Pada suku tahun ketiga (Q3) 2025, jualan runcit telah mencatatkan penurunan sebanyak 2.3 peratus berbanding suku tahun ketiga (Q3) 2024, dengan hasil jualan menurun daripada BND392.8 juta kepada BND384.0 juta. Penurunan ini adalah terutamanya didorong oleh penurunan hasil jualan dalam beberapa aktiviti, iaitu gedung serbaneka sebanyak 6.3 peratus, pasaraya sebanyak 5.7 peratus, dan peralatan komputer dan telekomunikasi sebanyak 6.9 peratus.
2. Dari segi volum, aktiviti jualan runcit juga mencatatkan pertumbuhan negatif sebanyak 2.7 peratus berbanding Q3 2024.
3. Bagi jualan sektor perkhidmatan makanan dan minuman, kedua-dua nilai dan volum jualan telah mencatatkan penurunan berbanding Q3 2024. Nilai jualan menurun sebanyak 0.7 peratus, dengan hasil jualan menurun daripada BND112.2 juta kepada BND111.3 juta. Ini adalah didorong oleh penurunan hasil restoran sebanyak 2.4 peratus, aktiviti penyajian minuman sebanyak 4.3 peratus, dan aktiviti lain-lain perkhidmatan makanan seperti medan selera dan kios makanan sebanyak 0.2 peratus.

4. Dari segi volum, perkhidmatan makanan dan minuman juga mencatatkan pertumbuhan negatif sebanyak 1.0 peratus berbanding Q3 2024.
5. Indeks Jualan Runcit dan Indeks Perkhidmatan Makanan & Minuman adalah petunjuk awal prestasi ekonomi bagi kedua-dua aktiviti dan memberikan gambaran trend perbelanjaan pengguna di Negara Brunei Darussalam bagi setiap suku tahunan. Laporan penuh bagi kedua-dua aktiviti boleh didapati melalui laman sesawang JPES: <https://deps.mofe.gov.bn>.



جباتن فرانشن ايكونومي دان ستاتيسيتيك

JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

## INDEKS JUALAN RUNCIT SUKU KETIGA (Q3) 2025

Indeks Jualan Runcit (RSI) mengukur perkembangan aktiviti jualan runcit. Ia berfungsi sebagai petunjuk awal mengenai prestasi jualan runcit serta corak perbelanjaan pengguna.

### TREND INDEKS (Q1 2024 – Q3 2025)



Perubahan Tahun-ke-Tahun  
Jul-Sep 2025 | Jul-Sep 2024

| NILAI   | VOLUM   |
|---------|---------|
| ▼ -2.3% | ▼ -2.7% |

### PERUBAHAN TAHUN-KE-TAHUN Q3 2025



**NILAI JUALAN: BND384.0 JUTA**




جباتن قرانچن ايكونومي دان ستاتيستيك

JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

## INDEKS PERKHIDMATAN MAKANAN & MINUMAN SUKU KETIGA (Q3) 2025

Indeks Perkhidmatan Makanan & Minuman (F&BSI) mengukur perkembangan aktiviti perkhidmatan makanan & minuman. Ia berfungsi sebagai petunjuk awal mengenai prestasi perkhidmatan makanan & minuman serta corak perbelanjaan pengguna.


### TREND INDEKS (Q1 2024 – Q3 2025)



### Perubahan Tahun-ke-Tahun Jul-Sep 2025 | Jul-Sep 2024

| NILAI  | VOLUM  |
|--------|--------|
| ▼-0.7% | ▼-1.0% |

### PERUBAHAN TAHUN-KE-TAHUN Q3 2025



**NILAI JUALAN: BND111.3 JUTA**



***MEDIA RELEASE***

***DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS  
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY***

***RETAIL SALES INDEX AND FOOD & BEVERAGES SERVICES INDEX  
THIRD QUARTER 2025***

***BRUNEI DARUSSALAM***

---

***MAIN HEADLINE:***

***RETAIL SALES AND SALES OF FOOD AND BEVERAGE SERVICES DECREASED IN THIRD QUARTER 2025***

1. *In the third quarter (Q3) of 2025, retail sales recorded a decrease of 2.3 per cent compared to Q3 2024, with sales revenue decreasing from BND392.8 million to BND384.0 million. The decrease was mainly attributed to lower sales in several activities, namely department stores by 6.3 per cent, supermarkets by 5.7 per cent, and computer and telecommunications equipment by 6.9 per cent.*
2. *In terms of volume, retail sales activity also recorded a negative growth of 2.7 per cent compared to Q3 2024.*
3. *For the sales of food and beverages services sector, both the sales value and volume recorded a decrease compared to Q3 2024. The sales value decreased by 0.7 per cent, with revenue declining from BND112.2 million to BND111.3 million. This decrease was attributed to lower sales in restaurants by 2.4 per cent, beverage serving activities by 4.3 per cent, and other food services activities such as food courts and food kiosks by 0.2 per cent.*
4. *In terms of volume, food and beverages services also recorded a negative growth of 1.0 per cent compared to Q3 2024.*

5. *Retail Sales Index (RSI) and Food & Beverages Services Index (F&BSI) are preliminary indicators of economic performance for both activities and provide an outlook for consumer spending trends in Brunei Darussalam on a quarterly basis. Full reports of both activities are available from DEPS's website: <https://deps.mofe.gov.bn>.*



## RETAIL SALES INDEX THIRD QUARTER (Q3) 2025

The Retail Sales Index (RSI) measures the movements of retail sales activities. It serves as a leading economic indicator of the retail trade performance as well as consumer spending behavior.

### INDEX TREND (Q1 2024 – Q3 2025)



### Year-on-Year Change Jul-Sep 2025 | Jul-Sep 2024

| VALUE   | VOLUME  |
|---------|---------|
| ▼ -2.3% | ▼ -2.7% |

### YEAR-ON-YEAR CHANGE Q3 2025



VALUE OF SALES: **BND384.0 MILLION**



## FOOD & BEVERAGES SERVICES INDEX THIRD QUARTER (Q3) 2025

The Food & Beverages Services Index (F&BSI) measures the movements of food & beverages services activities. It serves as a leading economic indicator of the food & beverages services performance as well as consumer spending behavior.

### INDEX TREND (Q1 2024 – Q3 2025)



### Year-on-Year Change Jul-Sep 2025 | Jul-Sep 2024

| VALUE   | VOLUME  |
|---------|---------|
| ▼ -0.7% | ▼ -1.0% |

### YEAR-ON-YEAR CHANGE Q3 2025



**VALUE OF SALES: BND111.3 MILLION**